

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apa yang sebenarnya berlaku sehingga laman web pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi vaksin AstraZeneca telah gagal berfungsi pada 26 Mei 2021, berapa kos yang dibelanjakan untuk membina laman web tersebut, serta syarikat yang telah diberi kontrak tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai terhadap soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berjalan lancar, Kerajaan menerusi MOSTI telah membangunkan laman sesawang Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV).

Laman sesawang ini menyediakan maklumat berkenaan status pelaksanaan PICK termasuk paparan data terkini pencapaian dan jumlah pendaftaran vaksinasi yang mana dikendalikan oleh Pasukan Petugas

Khas Imunisasi COVID-19 Kebangsaan atau singkatannya CITF. Kaedah pelaporan yang ditunjukkan kepada umum adalah bersifat “**real time data**”. Perkara ini menunjukkan ketelusan Kerajaan untuk berkongsi data mengenai perkembangan semasa status pelaksanaan PICK dalam negara.

Berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat, diketahui umum pada tarikh yang dinyatakan telah berlaku gangguan teknikal yang menyebabkan pengguna menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan proses tempahan melalui laman sesawang tersebut.

Berikut adalah perincian mengenai situasi yang berlaku:

- pada jam 12 tengahari 26 Mei 2021, terdapat 3.6 juta pengguna direkodkan melayari laman sesawang tersebut.
- Sebanyak 1,261,000 dos vaksin AstraZeneca telah ditawarkan di mana tempahan slot telah habis dalam tempoh masa kurang satu jam.
- Sewaktu tempahan dibuka pada jam 12.20 pm, pada hari yang sama, berlaku gangguan teknikal iaitu masalah pada konfigurasi sistem. Hal ini telah menyebabkan pengguna menghadapi kesukaran untuk mengakses beberapa butang ciri pada laman tersebut.
- Laman sesawang tersebut tidak mengalami kegagalan atau “*crash*”, sebaliknya, sistem pendaftaran telah secara berterusan memproses purata 3,000 – 7,000 tempahan pada setiap saat.
- Ini menjelaskan mengapa ramai yang mengalami kesusahan untuk mendapat janji temu bagi tempahan vaksin AstraZeneca pada waktu itu.

Masalah ini telah diambil tindakan proaktif oleh pengendali laman sesawang tersebut. Mana-mana individu yang pendaftaran mereka tidak lengkap pada masa tersebut, telah dihubungi oleh urusetia CITF bagi memastikan pendaftaran mereka lengkap iaitu mendapat jadual janji temu untuk mendapatkan vaksin AstraZeneca.

Berkaitan dengan sistem pendaftaran secara atas talian bagi vaksin AstraZeneca, ianya telah dibangunkan **tanpa kos**. Sekian, terima kasih.